

BAB II

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Penguasaan bahasa komunikasi merupakan penguasaan pada taraf yang paling tinggi kerana ia merupakan penguasaan dalam pembentukan ayat (Asmah, 1989). Kemuncak keupayaan berbahasa itu terletak kepada kebolehan membentuk ayat-ayat yang unggul dan sempurna mengikut sistem nahu (Chomsky, 1965). Namun kemahiran komunikasi bukan sahaja terletak pada keupayaan membentuk ayat secara gramatis, tetapi berupaya menggunakan bahasa itu dalam konteks sosial, wacana dan strategi dengan betul (Ta'imah, 2006). Selain itu, kemahiran komunikasi bukan sahaja menuntut supaya mahir dalam tatabahasa dan kosa kata, tetapi juga mahir dalam peraturan bertutur. Sebagai contoh, penutur tahu waktu yang sesuai untuk memulakan komunikasi, apa tajuk yang sesuai dan bagaimana memulakannya (Nessa, 1983).

Daripada aspek komunikasi pula, terdapat kumpulan aktiviti yang memerlukan seseorang itu menggunakan bahasa. Aspek komunikasi bagi setiap individu berbeza dengan individu yang lain berdasarkan perbezaan persekitaran, situasi kehidupan, ciri individu, kefasihan berbahasa sebagai alat komunikasi, kadar masa komunikasi, dan faktor-faktor perbezaan lain dalam bidang komunikasi bahasa (Ta'imah, 1989). Secara umum, aspek komunikasi itu berkisar dalam konteks yang antara lainnya bertujuan untuk membentuk hubungan sosial, memberi respon terhadap sesuatu perkara, menyembunyikan niat dan perasaan, meminta dan memberi maklumat, mengajar melakukan sesuatu, perbualan bahasa melalui telefon, menyelesaikan masalah, membincang sesuatu idea, permainan bahasa, memainkan peranan kemasyarakatan,

mengembirakan perasaan orang lain dan lain-lain lagi (River dan Temperley, 1978). Terdapat tujuh aspek komunikasi yang dinamakan sebagai fungsi komunikasi bahasa, iaitu faedah, pengurusan, tindak balas, individu, penyelidikan, khayalan dan penerangan (Halliday, 1973).

Komunikasi memerlukan kecekapan berbahasa yang dipanggil “*Communicative competence*” (Hymes, 1972). Tahap kecekapan berkomunikasi dalam sesuatu bahasa mempunyai hubungan dengan tahap penggunaan bahasa dalam konteks kehidupan seseorang (Ta’imah, 1989). Dalam konteks penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) di Jakarta. Didapati bahawa mereka menghadapi masalah berkomunikasi dan tidak mencapai tahap keterampilan yang memuaskan dalam bahasa Arab. Ramai dalam kalangan pensyarah LIPIA tempatan bercakap kepada pengkaji tentang kemerosotan tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Indonesia di LIPIA.

Marton (1988) membuat batasan strategi pembelajaran bahasa sebagai suatu perangkat prosedur pedagogis yang secara global disusun untuk menentukan suatu strategi pembelajaran yang pasti bagi pelajar yang secara langsung menuju kepada perkembangan kecekapan dalam bahasa sasaran. Oleh itu, dalam menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan komunikasi bahasa kedua-bahasa Arab, maka diperlukan strategi yang bersesuian.

2.2 DEFINISI PERKATAAN STRATEGI DAN KOMUNIKASI

Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1997) strategi bererti rancangan yang teratur yang memperhitungkan pelbagai faktor untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Dalam kamus *al-Mu'jam al-Arabiyy al-asasiyy* (1989) perkataan الاستراتيجية bermaksud usaha yang menyeluruh dalam apa jua bidang. Sementara perkataan الخطة bererti cara atau jalan yang dirancang untuk mencapai matlamat. Kamus *al-Mu'jam al-Wasit* (1980) memberi erti الخطة, iaitu seseorang yang berfikir sesuatu kemudian ia merancang dan menyusun jalan untuk mencapai matlamat.

Jaafar Muhammad (1998) berpendapat komunikasi ialah satu proses yang melibatkan penghantaran matlamat daripadapada individu yang terlibat sehingga kepada individu, kumpulan dan sebagainya. Menurut Baskaran (2005), komunikasi adalah proses dua arah antara dua pihak. Masing-masing pihak merupakan faktor yang sama dengan yang lain dalam kontek komunikasi, dimana yang satu ialah pengirim pesan dan yang lainnya penerima pesan yang terlibat dalam kontek. Sementara Abdullah dan Ainon Mohd (1999) berpendapat bahawa berkomunikasi bukan setakat bercakap. Tanpa bercakap pun kita boleh berkomunikasi. Sebagai contoh, perbuatan diam adalah sejenis komunikasi. Pakaian yang kita pakai pun ialah salah satu cara kita berkomunikasi.

Berdasarkan pelbagai pengertian dan makna yang ada dalam kamus-kamus yang diatas, dapat disimpulkan bahawa strategi ialah usaha atau langkah yang diambil oleh seseorang untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Sementara komunikasi ialah kegiatan perilaku atau kegiatan penyampaian pesan atau informasi tentang pikiran dan perasaan kepada orang lain yang terlibat.

Pada dasarnya, istilah strategi komunikasi ini ingin mengemukakan serta memperkenalkan operasi pemecahan-masalah yang harus diupayakan oleh pelajar setiap waktu kalau dia dihadapkan pada suatu tugas komunikatif untuk meningkatkan kemampuanya yang sebenarnya. Strategi komunikasi sememangnya diperlukan pada saat pelajar mengalami masalah bahasa, sama ada secara sedar atau tidak. Situasi ini jika tidak diurus dengan baik akan mengganggu kelancaran komunikasi yang sekaligus menyebabkan pelajar merasa sukar untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Tarone (1981) mendefinisikan strategi komunikasi daripada sudut interaksi. Strategi komunikasi merupakan usaha sedar antara dua interlokutor untuk bersetuju ke atas satu makna dalam satu situasi tertentu di mana struktur makna “*requisite*” tidak dikongsi bersama. Tarone menjelaskan perbezaan antara strategi komunikasi, strategi pengeluaran, strategi persepsi dan strategi pembelajaran. Strategi pengeluaran merupakan usaha menggunakan sistem linguistik individu secara efisien. Ia berbeza dengan strategi komunikasi kerana tolak ansur daripada segi makna dalam aspek interaksi tidak ada. Strategi persepsi pula merupakan usaha untuk menginteraksi maklumat secara efisien.

Strategi komunikasi bermakna upaya individu untuk mencari cara untuk mengisi celah antara usaha komunikasi mereka dan sumber linguistik yang tersedia (Maleki, 2007). Walaupun ada makna lain tentang strategi komunikasi, namun idea asas ialah sama. Sebagai contoh, Faerch dan Kasper (1978) mengatakan strategi komunikasi ialah sebagai sebuah produksi penuturan yang merupakan satu usaha menyesuaikan mesej dengan berkomunikasi.

Menurut Corder (1983) pengkajian yang pertama mengenai fenomena strategi komunikasi dibuat oleh Varadi (1973), tetapi kajiannya tidak mendapatkan perhatian yang meluas. Kajiannya diikuti oleh Tarone, Cohen dan Dumas (1976) untuk memberi satu rangka analisis strategi komunikasi supaya dapat dikenal pasti jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar bahasa kedua untuk menyampaikan maksud. Kemudian diikuti oleh Corder, Bialystok, Faerch, Kasper (1983) dan sebagainya.

Tetapi ada definisi strategi komunikasi (SK) ialah pelbagai, kerana ramai penkaji yang membuat tentang kajian mengenai SK. Namun begitu kajian mereka berbeda-beda maka ada setengah definisi berlainan diantara satu sama lain mengikut konteks kajian tersendiri. Seperti Faerch dan Kasper (1983) mendefinisikan :

“Communication Strategies are potentially conscious plans for solving what to an individual presents itself as a problem in reaching a particular communicative goal”.

(m.s: 36)

Dalam membahas definisi strategi komunikasi ini, Faerch dan Kasper (1983), menyatakan bahawa strategi komunikasi sebenarnya wujud pada penutur yang mengalami masalah bahasa untuk menyampaikan mesej dalam bahasa kedua. Pada ketika ini, penuturlah yang akan menentukan langkah-langkah yang berkesan untuk menyelesaikan masalahnya.

Selinker (1972) dalam *Interlanguage* telah membincangkan dan mengaitkan SK dengan pembelajaran bahasa kedua. Pada pandangan beliau kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar dianggap sebagai usaha mereka untuk menghuraikan maksud dalam percakapan spontan serta penguasaan dalam sesuatu bahasa yang dipelajarinya

Menurut Corder (1981) mengkaji aplikasi SK terhadap pelajar bahasa kedua. Kajiannya menyebut bahawa kajian SK merupakan satu tumpuan terhadap strategi penghasilan bahasa pelajar-pelajar semasa berinteraksi dengan penutur asal bahasa sasaran iaitu berlaku diantara orang yang dilawan berbual. Hasil utama kajiannya ialah beliau menyebut bahawa seseorang itu akan menggunakan SK apabila menghadapi kesukaran dalam berkomunikasi. Apabila mempunyai kecekapan linguistik yang terbatas, maka didapati bahawa situasi yang berlaku ialah penutur akan menggunakan strategi pengelakan atau bertutur terus tanpa menghiraukan kesan yang akan timbul.

Perkara pokok yang ada dalam pentakrifan strategi komunikasi menurut pandangan Tarone ialah niat penutur untuk menyampaikan sesuatu maksud kepada pendengarnya. Dalam hal ini, dia menyedari pada bahawa struktur bahasa yang dipelukan untuk menyampaikan maksudnya itu tidak ada padanya atau kalaupun ada ini tidak boleh difahami oleh pendengar. Dalam kebuntuan untuk menyelesaikan masalah ini, penutur perlu memilih strategi tertentu. Dalam situasi begini, penutur ini akan memilih untuk tidak meneruskan pertuturan atau membuat alternatif lain untuk menyampaikan maksud yang dikehendakinya.

Masih belum kedapatan satu definisi yang konkret kepada pengertian strategi komunikasi. Para sarjana tersebut mengandaikan pendefinisian daripada sudut pandangan yang dibataskan kepada kajian mereka. Meskipun terdapat perbezaan antara takrif-takrif yang telah dikemukakan di atas, namun satu konsep umum kepada pengertian dan definisi strategi komunikasi dapat diutarakan.

Berdasarkan kepada pendefinisian dan takrifan yang telah dibincangkan di atas, penulis dapat merumuskan bahawa strategi komunikasi ialah tindakan atau usaha yang

dilakukan oleh penutur dengan sengaja terutama ketika bertutur dalam bahasa kedua apabila ia mengalami gangguan bahasa sama ada kerana penutur ketiadaan sumber bahasa atau penutur menganggap pendengar tidak boleh memahami struktur bahasanya. Dalam hal ini, penutur mungkin memilih untuk meniggalkan mesej tersebut atau meneruskan ujarannya dengan menggunakan alternative lain dalam komunikasi.

2.3 PEMEROLEHAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KEDUA

Tarone (1980) dan McLaughlin (1987) telah membina model pemerolehan bahasa kedua mereka yang terdiri daripadapada tiga faktor strategi: pembelajaran bahasa, penghasilan bahasa dan komunikasi. Kesemua ini mengesankan bahawa strategi komunikasi dan strategi pembelajaran merupakan domain yang penting dan tidak boleh dipinggirkan daripadapada bidang pembelajaran dan pemerolehan bahasa.

Pembelajaran dan Pemerolehan bahasa kedua merupakan satu set kesimpulan pendapat yang dikemukakan hasil daripada penyelidikan dan hipotesis yang mendalam mengenai bagaimana sesuatu bahasa itu dipelajari dan dikuasai oleh seseorang. Sesuatu teori yang digunakan itu menjadi asas yang akan menentukan sesuatu prinsip yang harus dipegang dalam pengajaran bahasa.

Krashen (1981) telah memperkenalkan teori monitor yang membezakan antara pemerolehan dan pembelajaran bahasa. berdasarkan teorinya, pembelajaran secara formal berfungsi sebagai monitor yang bertanggungjawab menapis maklumat yang diperolehi dan membentuk kelancaran, kefasihan dan sahihan bahasa semasa menghasilkan output. Ia dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti waktu, variasi individu, aptitud dan atitud serta lingkungan linguistik yang formal dan tidak formal.

2.3.1 Teori Input Hipotesis – Stephen Krashen

Dalam perspektif teoritikal Stephen Krashen tentang pembelajaran bahasa kedua telah dikemukakan dengan mendasari aliran innatis yang menjadi landasan kajian ini, iaitu teori input hipotesis Stephen Krashen melalui tulisan buku dan artikelnya (1977, 1981, 1982, 1985, 1992, 1993, 1997). Pada mulanya, evolusi teorinya bermula pada akhir tahun 1970-an, ketika Krashen memperkenalkan teori monitor (*monitor model*), kemudian dikenali sebagai hipotesis pembelajaran dan pemerolehan bahasa dan kini lebih popular dengan *Input Hypothesis* (Brown, 2002). Teori input hipotesis Krashen ini merupakan gabungan daripada lima hipotesis iaitu;

(i) Natural Order Hypothesis

Hipotesis ini adalah berdasarkan dapatan kajian (Dulay dan Burt, 1974, 1976), menyatakan bahawa pemerolehan struktur dan rumus tatabahasa oleh pelajar bahasa kedua berlaku secara natural dimana ia boleh diramal. Proses ini berlaku tergantung kepada faktor umur, latar belakang, dan tahap pendedahan pelajar tersebut kepada bahasa kedua. Namun demikian Krashen menjelaskan implikasi daripada hipotesisnya ini bukanlah bermaksud sukanan pembelajaran bahasa perlu digubal berdasarkan dapatan kajian ini tetapi beliau menolak pembelajaran tatabahasa yang diajar secara terpisah kerana matlamat pembelajaran bahasa ialah pemerolehan bahasa.

(ii) Acquisition / Learning Hypothesis

Krashen (1981) mengatakan terdapat dua cara yang digunakan oleh seseorang dewasa untuk memupuk kompetensi bahasa kedua iaitu pemerolehan dan pembelajaran. Pemerolehan bahasa berlaku di bawah sedar, yang hampir menyerupai proses seorang kanak-kanak memproses bahasa yang diperolehnya secara ti

Pembelajaran bahasa berlaku secara sedar, iaitu satu proses dimana pelajar bahasa kedua akan mempelajari rumus tatabahasa dan berkesudahan dengan mengetahui mengenai bahasa tersebut.

(iii) Input Hypothesis

Hipotesis ini beranggapan bahawa prasyarat terpenting seseorang pelajar bahasa kedua memperoleh bahasa apabila ia memahami input bahasa yang diperolehnya sama ada melalui pendengaran atau pembacaan. Pelajar bahasa kedua dianggap mengalami suatu perkembangan dari tahap i (*kompetensi sekarang*) menuju tahap i + I apabila ia sudah memahami input yang bermakna i + I iaitu melebihi daripada kebolehan pelajar pada tahap semasa.

Menurut Krashen (1981) bahawa lebih banyak individu itu terdedah kepada ransangan yang bermakna, maka lebih banyak pengetahuan dan maklumat bahasa akan mereka kuasai. Tambahnya lagi orang dewasa dan kanak-kanak yang lebih matang secara keseluruhannya dapat menguasai bahasa kedua dengan lebih cepat.

(iv) Affective Filter Hypothesis

Hipotesis ini menerangkan bagaimana faktor-faktor afektif mempunyai kaitan tetapi bukan penyebab dengan proses pemerolehan bahasa. Konsep ini dikemukakan oleh Dulay and Burt (1977). Krashen (1985) mendapati pelajar bahasa kedua yang mempunyai motivasi yang tinggi, keyakinan diri, penampilan diri yang baik dan tahap kerisauan yang rendah mempunyai peluang kejayaan yang lebih untuk menguasai bahasa kedua. Manakala motivasi yang rendah, keyakinan diri yang kurang dan kerunsingan akan meningkatkan '*affective filter*' dan membina '*mental block*' yang

akan mencegah input bahasa yang difahami ‘*comprehensible input*’ daripada diperoleh oleh pelajar bahasa kedua.

Krashen (1985) di dalam satu tinjauan mengenai kajian pembelajaran bahasa kedua membuat kesimpulan bahawa orang dewasa berjaya melalui peringkat awal pembentukan sintaksis dan morfologi lebih cepat daripada kanak-kanak. Beliau juga mendapati mereka yang memperoleh bahasa kedua melalui pendedahan persekitaran semasa kanak-kanak mencapai penguasaan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan mereka yang memperolehnya ketika dewasa.

(v) **Hipotesis Bahasa Antara (*interlanguage*)**

Bahasa antara ialah peringkat peralihan daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Bahasa antara dibentuk oleh pelajar bahasa kedua semasa menuju penguasaan bahasa sasaran, ia sentiasa berubah-ubah dan bersifat sementara. Mula-mula bahasa antara diutarakan oleh Selinker (1972). Istilah bahasa antara digunakan untuk menerangkan peringkat peralihan daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Ia merujuk kepada satu sistem linguistik pelajar bahasa kedua yang berusaha untuk bertutur atau menghasilkan bahasa sasaran. Oleh itu, sistem bahasa antara ini wujud di antara sistem bahasa penutur jati dan sistem bahasa sasaran.

Pada mulanya, Slinker (1975) menggunakan hipotesis bahasa antara bagi pemerolehan bahasa kedua orang dewasa sahaja. Namun kemudian beliau telah meluaskan hipotesis tersebut bagi pemerolehan bahasa kedua kanak-kanak. Menurut beliau bahawa bahasa antara akan berkembang dalam ujaran kanak-kanak apabila bahasa kedua diperoleh tanpa interaksi dengan penutur jati bahasa kedua.

Manakala Tarone (1983) melakukan kajian tentang terminologi bahasa antara dengan menyediakan kerangka kerja untuk strategi komunikasi. Dalam kajiannya, menyenaraikan jenis fenomena bahasa antara yang bertujuan untuk menyediakan data bahasa antara. Ia memetik definisi bahasa antara Slinker (1972) bahawa bahasa antara adalah usaha yang sistematik yang dilakukan oleh individu untuk menyampaikan makna dalam bahasa sasaran yang belum dibentuk. Strategi bahasa antara berkait rapat dengan penghasilan pemahaman sesuatu bahasa. Contohnya, secara sistematik pelajar dapat membuat generalisasi makna perkataan yang didengar dalam konteks berdasarkan satu perkataan yang sama. Dalam konteks yang lain, hal ini dilakukan untuk menjadikannya selari dengan bahasa natifnya. Perbuatan ini akan mengakibatkan pemindahan negatif dalam bahasa sasaran.

Bagi Tarone (1988) kriteria untuk menilai sesuatu teori tentang variasi bahasa antara adalah pertama mementingkan variasi yang bersistematik. Kriteria yang kedua memberi usul tentang variasi bahasa antara. Termasuk dalam kumpulan ini ialah (a) Teori Monitor, Model Chomsky (b) Model Proses Psikologi, dan (c) Model Mirip Labov. Semua teori ini mempunyai pandangan yang sistematik diperoleh daripada fikiran dan keupayaan pelajar untuk melihat bahasa antara sebagai refleksi penggunaan bahasa antara adalah berdasarkan pemerhatian faktor sosial, seperti identiti, peranan, dan fungsi komunikatif.

Hipotesis bahasa antara ini memberi implikasi penting di dalam teknik pengajaran bahasa pada akhir tahun 1970 an dan awal 1980 an. Pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa mula diberi tumpuan dalam pengajaran bahasa di kelas. Setiap ujaran pertuturan pelajar memberi refleksi kepada sistem bahasa antara pelajar dan setiap

kesilapan bahasa pertuturan pelajar bukan disebabkan faktor guru, material pengajaran atau pelajar itu sendiri tetapi ianya merupakan proses semulajadi pembelajaran.

2.4 STRATEGI KOMUNIKASI DAN STRATEGI PEMBELAJARAN

Strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa mengembangkan serta mempromosikan suatu strategi pembelajaran tertentu, yaitu sebagai komunikasi berencana di dalam bahasa sasaran. Dengan cara pemerolehan bahasa seperti ini, pelajar sejak awal berupaya memahami pesan-pesan yang disampaikan oleh penutur lainnya, dan juga menghasilkan ucapan-ucapannya sendiri dalam bahasa kedua untuk mengekspresikan makna dan ide-idenya sendiri.

Selinker (1972) mengatakan bahawa strategi komunikasi penting kerana proses pembelajaran sesuatu bahasa biasanya tidak menyeluruh atau sempurna, kerana diganggu oleh pelbagai faktor seperti gangguan bahasa ibunda dan sebagainya. Satu proses pembelajaran bahasa kedua akan memperlihatkan beberapa jenis kesalahan pertuturan yang dilakukan oleh pelajar bahasa kedua akibat daripadapada percubaannya untuk menyampaikan maksudnya secara spontan meski pun pengetahuan dalam bahasa kedua tidak lengkap.

Menurut Varadi (1973), strategi pembelajaran ialah suatu usaha untuk mengembangkan kebolehan linguistik dan sosiolinguistik dalam bahasa yang dipelajari iaitu bahasa sasaran. Ialah sukar untuk membezakan konsep SK dan strategi pembelajaran kerana kedua-dua strategi ini mungkin bertindan dalam sesetegah hal. Menurutnya lagi, strategi pembelajaran digunakan untuk mempelajari bahasa sasaran menakala strategi komunikasi digunakan untuk menyampaikan maksud.

Manakala Corder (1983) strategi pembelajaran menyumbang kepada perkembangan antara bahasa manakala Strategi Komunikasi akan digunakan oleh penutur apabila berhadapan dengan kesukaran dalam komunikasi. Strategi pembelajaran yang dianjurkan oleh strategi komunikasi pada prinsipnya sama sahaja dengan strategi dasar pembelajaran bahasa pertama, dan dapat diberi definisi dengan cara yang sama, yaitu sebagai konstruksi kreatif (Tarigan, 1991).

Sementara Tarone (1983), terdapat perbezaan antara SK dan strategi pembelajaran. SK digunakan untuk belajar bahasa asing dan strategi pembelajaran digunakan dalam memperoleh bahasa. Manakala persamaan antara strategi pembelajaran dan SK terdapat pada keadaan iaitu penutur mempercayai bahawa strategi-strategi ini penting dalam penentuan makna, dimana struktur-struktur linguistik atau kaedah sosiolinguistik tidak dikongsi bersama antara pembelajar bahasa kedua dan penutur bahasa kedua. Ini menyebabkan penutur memilih untuk tidak berusaha menyampaikan maksud dengan berusaha menggunakan cara-cara lain sehingga maksud yang ingin disampaikan tercapai.

Oleh itu SK berguna bagi strategi pembelajaran. Contohnya pelajar akan berusaha untuk menyampaikan maksudnya bukan semata-mata mahukan maksud yang ingin disampaikannya boleh difahami oleh pendengar tetapi kerana perasaan ingin belajar mendorongnya untuk terus berkomunikasi. Dalam keadaan tertentu strategi pembelajaran berlaku secara penghafalan, mengingat, pengulangan kerana bertujuan untuk bercakap dengan penutur asli.

Menurut Tarigan (1991) Strategi pembelajaran bahasa merupakan pikiran dan perilaku yang digunakan oleh para individu untuk menolong diri mereka untuk memahami,

mempelajari, atau mengusai informasi baru. Biasanya, strategi pembelajaran bahasa ini terfokus pada aplikasi pembelajaran bahasa kedua atau pemerolehan bahasa kedua.

Hatch (1978) mengemukakan bahawa pembelajaran bahasa mengembangkan bagaimana caranya mengadakan konversasi atau percakapan, dan bagaimana caranya berkomunikasi. Strategi-strategi pembelajaran ialah cara-cara khusus pemprosesan informasi yang mempertinggi atau meningkatkan pemahaman, pembelajaran, atau pengingatan (*pemilikan*) informasi (O’Malley & Chamot, 1990).

SK dan strategi pembelajaran ialah dua perkara yang berkadar langsung atau berkait rapat kerana kedua-dua strategi ini bertindan di antara satu sama lain. Ia dikatakan usaha penutur ingin menyampaikan maksud, namun begitu tidak penting dalam strategi pembelajaran. Bagaimanapun pelajar yang berada ditahap tinggi boleh menggunakan strategi pembelajaran untuk menyampaikan maksudnya. Strategi pembelajaran yang dianjurkan oleh strategi komunikatif pada perinsipnya sama sahaja dengan strategi dasar pembelajaran bahasa pertama, dan dapat diberikan definisi dengan cara yang sama, iaitu sebagai konstruksi kreatif.

Begitu juga halnya dalam penggunaan strategi-strategi yang lain dan digunakan iaitu mungkin memilih menggunakan SK sahaja dan strategi pembelajaran sahaja dalam satu masa. Contohnya apabila seseorang penutur menggunakan strategi-strategi penukaran bahasa dan paralinguistik iaitu kedua-duanya ialah strategi komunikasi atau pengulangan dan penghafalan struktur tertentu kerana kedua-duanya juga ialah strategi pembelajaran. Jika kemahiran seseorang itu berada pada tahap yang rendah, maka dia mungkin menggunakan strategi mengelakan topik atau meninggalkan mesej. Kedua-dua strategi ini berada dalam kategori SK dan strategi pembelajaran.

Hal inilah yang menyebabkan tujuan SK dan strategi pembelajaran bertindan. Dalam sesuatu peristiwa komunikasi kedua-dua strategi boleh juga digunakan bersama iaitu apabila seseorang penutur menggunakan strategi deskripsi (SK), pengulangan (strategi pembelajaran) dan strategi terjemahan literal (SK) dalam satu ujaran.

Namun jika seseorang penutur itu bertutur dalam bahasa ibundanya sendiri tidak logik untuknya menggunakan strategi pengelakan. Walaupun dikatakan boleh menggunakan pelbagai strategi lain untuk menerangkan maksudnya kepada pendengar, maka penutur bahasa ibunda mungkin menggunakan strategi pengelakan jika dia sendiri tidak berminat untuk menyampaikan maksudnya.

2.5 STRATEGI KOMUNIKASI DAN STRATEGI PENGHASILAN

Tarone (1983), menyebut strategi penghasilan ialah suatu usaha untuk menggunakan sistem linguistik seseorang secara cekap dan jelas serta melibatkan usaha yang minimal.

Dalam strategi penghasilan, penutur tidak berusaha untuk menggunakan strategi-strategi tertentu jika mengalami masalah dalam komunikasi. Begitu juga penutur tidak berhasrat untuk menyampaikan maksud. Malah punutur mungkin tiada keinginan untuk berkomunikasi dengan seseorang. Strategi penghasilan ini melibatkan penggunaan pola-pola yang dilarang, segmen-segmen yang dihafalkan dan pemudahan struktur sintaktik.

Biasanya frasa-frasa tertentu boleh dihafalkan dan juga pola-pola perkataan mudah difahami oleh pelajar. Ini kerana dalam peringkat awal pembelajaran bahasa asing, frasa-frasa seperti inilah yang diwajibkan oleh para guru atau pensyarah untuk pelajar menghafal sebelum mempelajari nahu.

Sebagai contoh, sekiranya dua orang berkomunikasi, mereka sama-sama akan saling berbalas ucapan kerana mempunyai pengetahuan asas bahasa yang sama.

Contoh:

A: مع لقاء

(Jumpa lagi)

B: مع لقاء

(Jumpa lagi)

Daripada sinilah kita dapat melihat mereka tidak akan meneruskan perbualan mereka dengan mengucapkan “jumpa lagi”. Sekiranya penutur bahasa ini masing-masing tahu budaya masyarakat Arab, mereka dapat faham bahawa keadaan ini menampakkan perbualan tidak akan diteruskan lagi. Namun kedua-duanya menggunakan bahasa dan tatabahasa yang betul seakan-akan menghafal sahaja ungkapan tadi.

Inilah yang dikatakan sebagai usaha minimum dalam sesuatu komunikasi iaitu strategi penghasilan. Walaupun cara ini bukanlah menunjukkan satu komunikasi yang berjaya sepenuhnya, namun begitu komunikasi tetap berjalan dengan hubungan penutur dan pendengar tidak terganggu oleh kegagalan komunikasi. Harus diingat bahawa dalam strategi penghasilan, penyampaian maksud bukanlah satu kemestian. Seperti pendapat Tarone (1981), penutur sendiri mungkin tidak berminat untuk meneruskan komunikasi lalu menggunakan ungkapan tertentu untuk menghentikan komunikasi.

Selain daripada itu strategi penghasilan ialah suatu pemudahan struktur sintaktik. Contohnya boleh dikatakan ayat aktif lebih senang daripadanya ayat pasif. Maka pelajar ini akan menggunakan ayat aktif berbanding ayat pasif sunggupun dengan menggunakan ayat aktif tersebut makna sebenar sebahagian avat boleh herkurangan

Begitu juga apabila penutur tidak mengetahui struktur linguistik yang betul, dia akan memudahkan ujarannya iaitu satu usaha minimum untuk berkomunikasi.

Bagi situasi dalam kelas bahasa pula, apabila seseorang pelajar menghadapi kerumitan atau pengajaran yang tidak lancar mereka berusaha mengatasi ketidak upayaan ini. Biasanya pelajar akan mengurangkan mesej sama ada dalam bentuk formal atau fungsional.

Secara dasar didapati bahawa strategi penghasilan ialah sekadar ucapan atau jawapan untuk menunjukkan kesopanan sahaja dan suatu bentuk tindak balas sahaja. Penutur bahasa asing yang berada di tahap lemah, hanya akan menjawab pertanyaan secara minimum. Baginya ialah lebih baik bertindak sebegitu daripadapada mengelak atau membalas ujaran dengan frasa yang lain kerana jawapan balas bagi ungkapan tersebut seperti sudah diformalkan. Contohnya jika seseorang mengucapkan “terima kasih” dan jawaban yang paling tepat ialah “sama-sama”.

Kesimpulan mengikut Tarone (1883), strategi penghasilan berkait rapat dalam penggunaan strategi komunikasi. Penutur berinteraksi dengan menggunakan wacana yang terancang dan dipermudahkan.

2.6 FUNGSI DAN TUJUAN KOMUNIKASI

Samsuddin (1993) mengariskan ada empat fungsi utama komunikasi iaitu untuk member tahu, mendidik, memujuk dan menghibur. Menurutnya, fungsi komunikasi untuk memberi tahu ialah antara fungsi komunikasi yang terawal digunakan oleh

manusia. Seseorang ingin menyampaikan sesuatu perkara yang ia tahu kepada orang lain.

Fungsi mendidik menerusi komunikasi ialah proses pemberian maklumat agar dapat menambah pengetahuan pendengar tentang sesuatu perkara. Kejayaan fungsi ini bergantung kepada sejauh mana seseorang itu memperolehi pertambahan ilmu dan maklumat hasil daripadapada komunikasi yang dilaluinya.

Fungsi memujuk tidak hanya terhad kepada penggunaan komunikasi untuk menyebarkan maklumat tetapi juga untuk menembusi perasaan dan menguasai emosi pendengar selaku kumpulan sasaran komunikasi. Sebagai contoh, fungsi ini digunakan sepenuhnya oleh agensi pengiklanan untuk mempengaruhi pendengar dan pengguna.

Komunikasi juga berfungsi sebagai penghibur dan ia tidak terbatas kapada rancangan atau aktiviti hiburan formal semata-mata. Asalkan seseorang itu dapat melapangkan fikirannya dan berseronok berbual dengan rakannya bolehlah dikatakan bahawa fungsi komunikasinya untuk berhibur berjaya.

Tujuan komunikasi yang tidak kurang penting ialah manusia suka berseronok-seronok dengann manusia lain. Mereka suka bermain-main. Mereka berkomunikasi kerana hendak berusaha ria, dan mereka berbual-bual, berceria, bergurau senda dan berbincang-bincang dengan cara yang menimbulkan rasa seronok semata. Komunikasi jenis ini ialah sangat penting kerana dengan cara itu manusia dapat melupakan perkara-perkara berat yang berlaku ke atas diri mereka. Komunikasi jenis ini banyak dilakukan dengan rakan dan sehabat. Kebanyakan perbualan harian ialah bertujuan untuk mengalami rasa seronok.

Abdullah dan Ainon (1999) menyatakan bahawa tujuan komunikasi ialah untuk memenuhi tuntutan emosi dan sosial seseorang atau sesuatu komuniti. Sebagai manusia kita memerlukan pasangan dalam hidup kita kerena kita memerlukan ransangan. Manusia memerlukan ransangan fizikal seperti sentuhan, belaian dan ransangan mental. Manusia juga memerlukan ransangan emosi supaya kita mengalami perasaan seronok, suka, gembira, bahagia dan puas. Ransangan emosi boleh diberikan dengan menggunakan kemahiran berkata-kat secara positif. Kemahiran berbual, memuji, menghibur dan bergurau ialah sangat perlu untuk memberi ransangan emosi.

Dengan demikian, komunikasi bukan hanya bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Komunikasi dapat memberikan tindak balas pendengar, mampu memupuk rasa berbaik sangka dan merapatkan perhubungan.

Ezhar (1999) berpendapat, dalam pecakapan, misalnya, pertanyaan harus disambut dengan jawaban atau permintaan keterangan. Jika pertanyaan tersebut dipermainkan atau dijawab sambil lew atau tidak dihiraukan, ia akan menimbulkan suasana yang negatif. Respon yang negatif ini akan meretakkan hubungan antara individu dan komunikasi seterusnya menjadi labih sukar. Ialah amat penting dalam berkomunikasi respon yang diberikan itu tepat.

2.7 FAKTOR KOMUNIKASI DAN PEMBELAJARAN

Menguasai bahasa ibunda di kalangan pelajar Indonesia berlaku secara tidak formal. Bahasa Indonesia yang menjadi bahasa pertama mereka dikuasai bukan melalui proses pembelajaran formal. Mereka menerimanya menerusi peniruan, pendengaran, penuturan yang berulang-ulang kali yang dilakukan bersama ibu bapa dan orang-orang yang

berada di sekeliling mereka. Sampai kepada satu tahap, penguasaan bahasa ibunda ini boleh dianggap sempurna, lengkap dan mantap.

Berbeza dengan penguasaan bahasa Arab iaitu sebagai bahasa kedua bagi pelajar Indonesia. Mereka perlu mempelajari secara formal menerusi kelas, latihan dan pengukuhan yang dirancang, disusun dan dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah. Pelajar harus mempunyai minat, motivasi dan dorongan yang kuat untuk belajar.

Ada banyak faktor yang menyebabkan pembelajaran bahasa Arab sering menghadapi masalah, antaranya ialah;

- (1). Bahasa Arab yang dipelajari oleh pelajar ini berbeza dengan penguasaan bahasa ibunda yang telah dikuasai sekian lama. Pelajar sering menghadapi masalah masa dan peluang untuk mempelajarinya secara lebih kerap dan mendalam. Pelajar hanya berhadapan dengan seorang guru bahasa Arab di sekolah dan kebanyakan guru ini ialah bukan penutur bahasa Arab. Keadaan ini tentulah melemahkan dan menjelaskan pembelajaran bahasa Arab.
- (2). Peluang bertutur bahasa Arab di sekolah ialah sangat terhad berbanding penggunaan bahasa Indonesia. Mereka mempunyai ramai guru dan rakan yang berututur dalam bahasa Indonesia yang boleh menyuburkan lagi penguasaan bahasa ibunda ini. Peluang mempelajari bahasa seperti ini tidak dapat dipengaruhi oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab.
- (3). Terdapat juga kesukaran mempelajari bahasa Arab yang berpunca daripadanya kesukaran kaedah penulisan, pembacaan, dan nahuan bahasa ini. Seperti yang dimaklumi, sistem ejaan bahasa Arab bermula daripada kanan ke kiri dengan berpandukan bunyi vocal yang ditunjukkan oleh tanda baris. Bagi sesetengah teks yang tidak mengandungi tanda baris, jelas sekali ia an

untuk membacanya. Selain itu, kaedah nahuan yang kompleks dalam menentukan baris perkataan terutamanya baris huruf akhir turut menambahkan lagi kesukaran pelajar menggunakan bahasa Arab ini.

Beberapa masalah telah dikenal pasti sebagai punca yang menyebabkan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Indonesia mengalami kelemahan dan kemunduran. Objektif-objektif yang disarankan tidak tercapai dengan jayanya. Permasalahan ini dapat dibahagikan kepada beberapa faktor, antaranya ialah berpunca daripadapada faktor motivasi, faktor guru, murid, kaedah mengajar, buku teks dan sistem persekolahan.

Secara umumnya, motivasi pula boleh didefinisikan sebagai usaha yang dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua hasil daripadapada keperluan dan keinginan untuk mempelajarinya (Ellis, 1994). Gardner (1985) ketika mendefinisikan motivasi menurut konteks pembelajaran bahasa kedua menyatakannya sebagai tahap di mana seseorang bekerja dan berusaha untuk mempelajari bahasa kerana keinginanya untuk melakukan demikian dan pengalaman merasakan kepuasan ketika menjalankan aktiviti tersebut. Beliau telah mengemukakan tiga komponen utama di dalam definisinya: tumpuan usaha, keinginan untuk belajar, dan kepuasan dengan tugas yang merupakan unsure-unsur penting dalam menilai tahap dan kekuatan motivasi pembelajaran bahasa.

Motivasi dianggap sebagai kunci kejayaan dalam pembelajaran bahasa (Gardner, 1985; Dornyei, 1990; Nunan, 1999). Ia menjadi faktor pemberi tenaga dan momentum kepada pelajar sehingga pembelajaran menjadi lebih aktif dan berkesan. Sekiranya pelajar bermotivasi tinggi, kebarangkalian untuk berjaya ialah amat besar dan begitulah sebaliknya. Pada waktu yang sama, hubungan di antara motivasi pelajar dengan

pembelajaran bahasa (Oxford & Nyikos, 1989; Ehrman, 1990; Macaro, 2001). Pelajar bermotivasi tinggi secara sedar dan terkawal akan berusaha dan menghabiskan masa mempraktikkan strategi pembelajaran dan strategi komunikasi dengan konsisten. Model pengaruh psikologi social terhadap penggunaan strategi pembelajaran oleh MacIntyre (1994) turut menunjukkan bahawa motivasi memberi kesan yang besar ke atas pemilihan kombinasi strategi yang bakal digunakan.

Begitu pula guru, merupakan faktor yang terpenting sekali dalam alam pendidikan dan pengajaran, kejayaan sesuatu rancangan pendidikan ialah bergantung rapat dengan peranan yang dimainkan oleh oleh dalam member bimbingan kepada murid-muridnya. Kebanyakan guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah di Indonesia terdiri daripadapada kalangan bukan Arab dan sebilang tidak pula mendapatkan pendidikan dan pendedahan di negeri Arab.

Kaedah mengajar ialah merupakan faktor yang terpenting dalam pengajaran dan pendidikan. Ia menentukan keberkesanan pengajaran yang disampaikan oleh seseorang guru. Ishak (1993) menjelaskan ialah dipercayai bahawa permasalahan pangajaran bahasa Arab berpunca antara lainnya daripadapada kaedah mengajar yang digunakan oleh guru-guru yang kurang sesuai dan kurang berkesan.

Kelemahan pertuturan bahasa Arab terutamanya di kalangan pelajar Indonesia sering dikaitkan dengan kurangnya pendedahan kepada aspek komunikasi dalam bahasa Arab. Secara ringkasnya hal ini dapat dibahagikan kepada faktor-faktor seperti sistem dan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah, aspek psikologi dan pendedahan kepada persekitaran.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab hanya tertumpu di dalam kelas sahaja menyebabkan pelajar tidak berminat untuk berkomunikasi dalam bahasa ini di luar kelas. Kalaupun ada sebilangan kecil pelajar yang berminat untuk menggunakan bahasa Arab di luar bilik darjah, reality sebenar sukar terjadi disebabkan tiadanya persekitaran yang boleh merangsang dan menyuburkan kemahiran bertutur ini.

Seperkara lagi yang mengekang perkembangan pertuturan bahasa Arab ialah kekurangan masa khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah. Pada kebiasaanya, mata pelajaran bahasa Arab diperuntukan sebanyak dua jam seminggu berbanding dengan bahasa lain yang ada kalanya mencecah lima jam seminggu. Kekurangan masa ini sudah tentu membatasi perkembangan kemahiran komunikasi pelajar.

Melihat daripadapada sudut psikologi, didapati ramai pelajar yang mempelajari bahasa Arab disebabkan tiada pilihan dan terpaksa. Situasi ini tentulah tidak mendatangkan minat yang mendalam kepada mereka untuk mempelajari dan menggunakan bahasa ini dalam pertuturan. Bagi pelajar yang berminat pula, mereka sering merasa ragu-ragu, takut dan bimbang melakukan kesalahan semasa bertutur dalam bahasa Arab. Mereka takut disindir dan diejek oleh rakan-rakan sebaya. Malah ada yang merasakan mereka yang bertutur dalam bahasa Arab dianggap mengada-ada dan menunjuk-nunjuk. Kewujudan persepsi negative ini turut menyumbangkan kearah kelemahan penggunaan bahasa Arab dalam pertuturan.

Amilruddin (2003) menyatakan apabila bahasa Arab hanya terdapat didalam kelas sahaja, sudah tentu skop bahasa dan perbendaharaan katanya juga terbatas. Penekanan dan tumpuan tentuanya terarah kepada sukatan pelajar dan buku teks yang telah

disediakan. Perkembangan bahasa kepada wacana yang lebih luas tentunya sukar berlaku. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengadaptasikan pembelajaran bahasa mereka di dalam kelas kepada pencernaan bahasa yang lebih subur yang merangkumi kepelbagaian komunikasi harian.

2.8 TAKSONOMI STRATEGI KOMUNIKASI

Sejak tahun 1970-an strategi komunikasi telah menjadi pusat perhatian dalam penelitian pemerolehan bahasa kedua. Pada masa itu analisis difokuskan pada bahasa antara dan penutur asing, baik yang melibatkan sifat interaksi komunikasi manusia. Mula-mula kajian difokuskan pada identifikasi, menentukan dan mengelompokkan strategi komunikasi ke dalam taksonomi. Kemudian kajian dipusatkan pada hubungan antara strategi komunikasi dan pendidikan bahasa.

Buat pertama kalinya istilah Strategi Komunikasi diperkatakan dalam rencana *Interlanguage* oleh Selinker (1972). Selinker berpendapat hanya terdapat lima peratus sahaja pelajar mampu menguasai bahasa kedua dengan sempurna. Sempurna dalam arti kata penguasaan bahasa yang dipelajari sebagai bahasa antara. Beliau mengaitkan strategi komunikasi dengan konsep bahasa perantara dan bahasa ibunda. Beliau mengira kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa kedua atau bahasa asing yang sedang mengikuti kelas bahasa. Oleh itu, komunikasi ini dapat berjalan lancar dapat pula tidak lancar terlebih dalam pembelajaran bahasa kedua, para pembelajar sering mengalami kesulitan dan membuat kesalahan berbahasa.

Idea tentang komunikasi ini telah diperkenalkan pada awal tahun tujuh puluhan oleh Richards (1982) beliau telah menggambarkan penggunaan strategi komunikasi ketika beliau mempelajari bahasa Perancis sebagai bahasa kedua. Menurutnya, strategi

komunikasi diperlukan apabila beliau mengalami satu keperluan bahasa, di mana beliau hendak melahirkan sesuatu sedangkan keupayaan bahasanya tidak mampu mengatasi masalah ini, dan pada ketika dia tidak menguasai nahu bahasa tetapi tetap mahu meluahkan apa yang terkandung dalam pemikirannya.

Strategi komunikasi sebagai salah satu fenomena bahasa antara mula-mula diperkenalkan oleh Selinker (1972) untuk menjelaskan klasifikasi kesilapan yang dilakukan pelajar bahasa kedua. Kesilapan ini dianggap sebagai “*by-product*” bahasa pelajar dalam melahirkan makna dalam ujaran spontan apabila bertutur dalam bahasa kedua.

Varadi (1983) merupakan orang yang pertama menyelidiki strategi komunikasi secara percubaan. Dalam kajian beliau membahas model penghasilan bahasa antara yang menumpu kepada strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar ketika menghadapi masalah dalam berkomunikasi.

Taksonomi SK bergantung kepada pendapat para pengkaji sebelum ini. Sesungguhnya Tarone (1977) Faerch dan Kasper (1983) Bialystok dan Frohlich (1983) dan sebagainya bercakap tentang perkara yang sama namun pendekatan yang digunakan ialah berbeza. Misalnya taksonomi Tarone (1977) diantaranya ialah strategi pengelakan, strategi prafasa, conscious transfer, rayuan kerjasama dan strategi bukan linguistik.

Manakala taksonomi Bialystok (1983) sebagai strategi yang berdasarkan bahasa ibunda (*Bahasa Pertama*) bagi punutur asli bahasa yang berkenaan dan menggunakannya dalam bahasa sasaran. Strategi yang dibincangkan seterusnya ialah berdasarkan kepada bahasa kedua dan strategi pralinguistik. Taksonomi Faerch dan Kasper (1983) pula merupakan strategi pengurangan formal, strategi pengurangan fungsional dan strategi

pencapaian. Strategi pencapaian ini ialah terdiri daripadapada sterategi penukaran kod, strategi pemindahan interlingual, strategi pemindahan intralingual, strategi berdasarkan bahasa dan strategi koperatif atau bekerjasama.

Sementara Tarone, Cohen dan Dumas (1983) mengatakan bahawa Strategi Komunikasi sebagai satu usaha yang sistematik yang digunakan oleh pelajar untuk menggambarkan atau mentafsirkan makna dalam bahasa sasaran dalam situasi dimana bahasa sasaran yang sesuai tidak dijumpai dalam mindanya. Bagi Tarone (1980) strategi komunikasi bersifat koperatif atau kerjasama. Perundingan maksud biasanya diperlukan dalam komunikasi, terutama oleh pendengar dan penutur yang tidak menguasai pengetahuan linguistik yang mencukupi, agar mesej yang disampaikan oleh penutur dapat diterima dengan jelas oleh si pendengar. Mereka akan menyedari pada munculnya masalah komunikasi lalu sama-sama berusaha dan cuba menyelesaikan masalah tersebut.

Tarone (1980) mempercayai terdapat satu jurang yang sentiasa wujud antara sistem linguistik dan sistem semantik penutur dan pendengar. Antara alasan-alasan yang menyokong pendapat ini ialah tidak ada sesiapa pun yang dapat menguasai keseluruhan leksikon satu-satu bahasa sekalipun ia bahasa ibunda mereka sendiri. Kedua, sesiapa pun mungkin mengalami “*memory lapse*” bila-bila masa, ketiga, setiap orang mempunyai sistem semantik mereka sendiri yang tidak mungkin sama dengan sistem semantik orang lain. Maka strategi komunikasi dianggap percubaan untuk melintasi jurang ini dalam situasi komunikasi sebenar (Rahman, 2009).

Dalam melihat definisi strategi komunikasi ini sebenarnya terdapat dua pendekatan yang digunakan, iaitu pendekatan saling tindak (Tarone, 1980, 1983) dan pendekatan psikolinguistik (Faerch, 1983). Dalam saling tindak terdapat perundingan maksud

sebagai usaha bersama untuk penutur dan pendengar untuk berkomunikasi dan banyak melakukan strategi tertentu dalam usaha menyampaikan mesej.

Manakala pendekatan psikolinguistik, tidak menitikneratkan kerjasama dalam penggunaan startegi komunikasi tetapi menekankan masalah yang dilami oleh penutur secara individu dalam aspek penerimaan mesej, perancangan ujaran dan pelaksanaan pertuturan. Berbeza dengan definisi saling tindak, definisi psikolinguistik menegaskan criteria wujudnya masalah komunikasi dan adanya kesedaran dan dipercaya bahawa penutur mungkin mengamalkan strategi komunikasi baik secara sedar dalam sesuatu situasi dan secara tidak sedar dalam situasi lain pula sewaktu mengalami masalah dalam komunikasi.

Taksonomi strategi komunikasi merupakan satu struktur penyusunan sistematik yang digunakan pengkaji pengklasifikasi bentuk strategi komunikasi yang digunakan seseorang penutur. Terdapat beberapa taksonomi atau tipologi strategi komunikasi yang telah dikemukakan pengkaji dalam kajian mereka seperti Tarone (1983) dan Balsyotok (1983).

Dalam kajian ini, Pengkaji akan menggunakan Taksonomi Tarone (1977). Taksonomi ini akan digunakan untuk menganalisa penggunaan SK di kalangan pelajar Program Persiapan Bahasa (*I'dad lughawi*) di Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) di Jakarta Indonesia.

2.9 TAKSONOMI STRATEGI KOMUNIKASI MENURUT TARONE (1977)

Pada dasarnya Tarone (1977) membahagikan Strategi Komunikasi kepada lima bahagian iaitu:

1. Strategi pengelakan
 - a. Pengelakan topik
 - b. Pengguguran mesej
2. Strategi parafrasa
 - a. Penghampiran (*approximation*)
 - b. Pembentukan kata baru (*word coinage*)
 - c. Penghuraian (*circumlocution*)
3. Strategi pemindahan secara sedar (*conscious transfer*)
 - a. Penukaran kod bahasa (*Language switch*)
 - b. Terjemahan literal (*literal translation*)
4. Strategi rayuan kerjasama
5. Strategi bukan linguistik

2.9.1 Strategi Pengelakan

Strategi Pengelakan terjadi apabila item bahasa sasaran dan struktur bahasa masih belum dapat dikuasai dengan baik oleh pelajar. Kajian perihal strategi ini telah dilakukan oleh Schachter (1974), Kleinmann (1977), dan Blum dan Levenston (1977).

Sementara Menurut Tarone (1983) terdapat dua pembahagian dalam strategi ini iaitu; (a) pengelakan mesej, dan (b) pengguguran topik.

Pengelakan mesej iaitu berlaku ketika pelajar mula-mulanya melahirkan konsep yang hendak dinyatakan tetapi tidak berupaya untuk meneruskan strategi komunikasi dan

akan membiarkan ceritanya tergantung, ujaranya juga tersekat-sekat dalam menghuraikan suatu konsep kerana keupayaan linguistiknya masih lemah, penutur lalu meninggalkan mesej yang ingin disampaikan ditengahan jalan. Menurut Corder (1983), pelajar tersebut “*trying but giving up*”. Manakala Tarone, Cohen & Dumas (1983) mengatakan pengelakan mesej sebagai:

“Communication on a topik is initiated but then cut short because the leaner runs into difficulty with a target language form or rule. The learner stops in mid-sentence, with no appeal to authority to help finish the utterance”

(m.s:11)

Manakala dalam Pengelakan topik, pelajar cuba tidak akan bercakap mengenai topik yang diberikan kerana item bahasa kedua itu tidak diketahui atau kerana perbendaharaan katanya tidak mencukupi untuk membolehkannya bercakap (Tarone, 1981). Ada juga pengelakan topik dimana pelajar tidak akan menjawab sebarang soalan dan hanya mendiamkan diri sahaja.

2.9.2 Strategi Parafrasa

Para pengkaji strategi komunikasi telah memberikan pelbagai pandangan tentang strategi parafrasa. Tarone (1983) tidak memasukkan parafrasa sebagai strategi pengelakan kerana beliau berpendapat adanya sikap positif pemaklum terhadap tugas yang diberikan. Apabila pelajar berhadapan dengan masalah, dia akan memilih dua prinsip utama strategi komunikasi, iaitu sama ada mengelakkan konsep yang sukar atau dia boleh menyampaikan makna dengan menggunakan semua sumber yang ada padanya termasuklah meneka, sirkumloaksi, peminjaman dan sebagainya.

Perbezaan antara strategi pengelakan dan strategi parafrasa ialah bahawa strategi pengelakan merupakan strategi risiko manakala parafrasa dan pemindahan bahasa merupakan strategi pengambilan risiko atau strategi peluasan sumber. Tarone (1983) membahagikan strategi parafrasa kepada tiga, iaitu (a) penghampiran (*approximation*), (b) menciptakan perkataan dan (c) sirkumlokasi.

Penghampiran (*approximation*) bererti berbagai kekeliruan intralingual antara tatabahasa kedua dan ekspresi tatabahasa atau kesamaan fonetik yang terdapat dalam bahasa kedua. Dengan kata lain, pelajar yang tidak mengetahui dan tidak dapat mengingati suatu leksikal bahasa kedua mungkin menggunakan perkataan lain yang mempunyai medan makna yang sama dengan leksikal tersebut, namun begitu tentulah leksikal yang diujarkan tidak mempunyai makna yang sama dengan leksikal yang sebenarnya seperti yang ingin diujarkan oleh penutur. Ia cuma dapat menghampiri makna leksikal itu tetapi bukan seratus peratus sama. Misalnya bagi perkataan kerusi (كرسي), penutur mungkin berkata bangku (مكتب) dan sebagainya. Tarone (1983) mendefinisikan strategi penghampiran sebagai :

“Use of single target language vocabulary item or structure, which the leaner knows is not correct but which shares enough semantic features in common with the desired item to satisfy the speaker”

(m.s: 63)

Strategi mencipta perkataan, penutur yang terdesak akan mencipta perkataan baru lagi, mengantikan perkataan yang tidak dapat diingatnya atau tiada dalam pengetahuanya, perkataan yang dicipta itu mungkin mempunyai kesamaan daripada segi semantik

mahupun fonologi contoh yang terkenal bagi strategi mencipta perkataan ini ialah *pipe* bagi mengantikan *water pipe*. Menurut Tarone (1983), strategi mencipta perkataan sebagai ;

“The leaner’s making up a new word in order to communicate a desired concept”.

(m.s: 62)

Manakala Strategi sirkumlokasi, pelajar yang kreatif mungkin banyak menggunakan strategi ini. Penutur yang lemah pula tidak dapat mengujarkan perkataan yang ingin dimaksudkannya mungkin menerangkan makna perkataan tersebut. Tarone (1983) mendefinisikan strategi sirkumlokasi sebagai ;

“The leaner’s describing the characteristics or elements of an object or action instead of using the appropriate”.

(m.s: 62)

Contohnya apabila penutur tidak mengingati perkataan الحيوانات الأليفة (binatang peliharaan) dalam bahasa Arab, penutur ini mungkin akan berkata في بيتنا هو القط (dirumah kami ada seekor kucing). Ini menunjukkan penutur terus-terang mendeskripsi tentang dirinya mempunyai binatang peliharaan di rumah. Manakala perkataan “kucing” melengkapkan makna dan menggantikan perkataan الحيوانات الأليفة iaitu binatang peliharaan.

Adakalanya budak-budak kecil yang baru mula bercakap menggunakan konsep ini juga untuk menerangkan sesuatu. Misalnya seorang budak berusia lima tahun berkata kepada ibunya:

- A. *Malamnya bilik ini!*
- B. *Bukan malam, tetapi gelap. Bilik ini gelap*

Perkataan gelap dan malam ini mampu menerangkan suasana atau keadaan terbabit. Jadi, ia boleh juga dikaitkan dengan penggunaan strategi ini. Menurut Tarone (1983), strategi deskripsi ialah:

“A wordly extended proses in which the leaner describes the characteristics or element of the object or action instead of using the appropriate target language structure.”

(m.s:62)

Dalam pengajaran dan pembelajaran, ialah tidak mustahil pelajar bahasa memberikan perkataan yang berbelit-belit untuk menerangkan ciri-ciri atau konsep suatu perkataan yang tidak diketahui. Tujuannya supaya komunikasi boleh berjalan terus tanpa gangguan, walaupun dia kekurangan kosa kata.

2.9.3 Strategi Pemindahan Bahasa Secara Sedar

Tarone berpendapat bahawa strategi ini dilihat daripada sudut pemindahan secara sedar atau “*conscious transfer*” (1981) manakala Selinker berpendapat pula bahawa strategi ini dilihat daripada segi “*an unconscious use of the native language lexical formas*” (1992). Pelajar dalam hal ini percaya bahawa dia menghasilkan bentuk bahasa kedua

ataupun pelajar merasakan perlu untuk memasukkan bahasa ibunda dalam pertuturnya untuk memastikan komunikasi berjalan lancar (Kellerman, 1977).

Tarone (1983) membahagikan strategi pemindahan bahasa secara sedar kepada dua bahagian, iaitu (a) penukaran kod dan (b) terjemahan literal. Penukaran kod berlaku dalam strategi komunikasi kerana tidak menyampaikan maklumat dalam bahasa ibunda. Jika penutur Indonesia tidak dapat menggunakan bahasa kedua dengan baik dia akan menukar kod kepada bahasa ibunda. Fenomena ini selalu berlaku bergantung kepada pelajar menganalisis sistem komunikasinya.

Menurut Faerch dan Kasper (1983)

“...in foreign language classroom, learners frequently share the L1 with their teacher which enables them to solve switch extensively between L2 and L1”.

(m.s: 46)

Namun demikian Tarone (1983) berpendapat ;

“The learner uses the native language term without bothering to translate”

(m.s: 62)

Strategi terjemahan literal pula digunakan oleh pelajar yang mencari solusi yang mudah tanpa ingin berusaha menggunakan strategi yang lain berdasarkan bahasa kedua, atau pelajar menggunakan terjemahan kata demi kata daripadapada satu bahasa kepada bahasa kedua ketika berkomunikasi. Oleh kerana dua bahasa mempunyai struktur nahu yang berbeza maka tentulah bahasa asing yang dituturkan mengikut strategi ini akan kedengaran janggal ataupun mungkin tidak dapat difahami langsung. Menurut Tarone (1983) terjemahan literal sebagai ;

“The learner translates word for word from the native language.”

(m.s:62)

2.9.4 Strategi Rayuan Kerjasama

Strategi rayuan kerjasama berlaku apabila pelajar meminta seseorang memberikan item atau butiran bentuk atau leksikal yang diperlukannya ketika berkomunikasi. Pola ini berlaku apabila pelajar berhadapan dengan masalah pengelakan diatas. Bentuk ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (a) strategi rayuan kerjasama secara langsung dan (b) strategi rayuan kerjasama secara tidak langsung.

Dalam strategi rayuan kerjasama pelajar akan meminta pendengar turut membantunya bagi mencapai maksud yang disampaikanya. Pelajar mungkin meminta bantuan dengan menyebut sambil berfikir. Di samping itu dia cuba memperlambatkan perbualan agar dapat memilih kosa kata atau membina ayat dengan perlahan-lahan. Tarone (1983) memberi contoh kerjasama secara langsung seperti berikut:

“The learner asks for the correct term, what is this?,

What called?”

(m.s:62)

Manakala strategi rayuan kerjasama secara tidak langsung, pelajar akan memandang pendengar dan menunjukkan mimik muka atau pandangan mata tertentu agar pendengar menyedari pada bahawa punutur sedang menghadapi masalah dalam meyampaikan

maksudnya. Pelajar berharap agar pendengar memahami kesukarannya dan menginginkan pendengar membantunya agar apa yang dimaksudkanya dapat dikongsi bersama pendengar. Namun bagi situasi di dalam kelas bahasa asing, pelajar mengharapkan isyarat tersebut daripadapada guru atau pensyarah untuk terus membantunya bercakap dengan menggunakan bahasa asing yang dipelajarinya.

2.9.5 Strategi bukan linguistik

Strategi bukan linguistik ialah merupakan penggunaan body language bagi membantunya menyampaikan maksud kepada pendengar. Pelajar mungkin menggunakan tangan, kaki, mimik muka dan sebagainya bagi menjelaskan leksikal yang tidak diketahuinya. Tarone member contoh tentang bagaimana seseorang pelajar dalam kelas bahasa membuat aksi menepuk tangan untuk menunjukkan makna *applause*.

Sekiranya pasangan yang dilawan bercakap itu mengagguk, ia memberi isyarat bahawa mesej itu telah sampai atau ayat itu betul. Oleh itu pendengar dapat memahami apa yang hendak disampaikan oleh penutur. Seterusnya membantu menyampaikan mesej yang cuba diujarkan dan dapat meneruskan komunikasi sekiranya perlu. Tarone (1983) menjelaskan.

“The learner uses non verbal strategies in place of a lexical item or action”

(m.s: 62)

Dalam kajian ini penulis akan melihat kedua-dua strategi pengelakan dan pencapaian untuk melihat strategi manakah yang lebih kerap digunakan oleh pelajar cekap dan

pelajar lemah. Namun demikian strategi inilah yang akan dapat membantu pelajar terus berkomunikasi dengan lebih lancar dan membantu mereka menyampaikan maksud.

2.10 KAJIAN BERKAITAN

Secara amnya para pakar bahasa Arab berpendapat bahawa pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua, hendaklah bermula dengan pembelajaran kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis sebelum pengetahuan tatabahasa. Antara mereka ialah al-Sini Mahmud Ismail, Nasif Mustafa dan Mukhtar al-Tahir (2006), dan Toemah Ahmad Rusdi (2004). Menurut Abdul Razak (2004) kajian mengenai pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing telah berkembang dengan pesatnya pada akhir abad ke-20 Masehi.

Kajian secara terperinci tentang Strategi Komunikasi dilakukan oleh Varadi (1973). Kemudian diikuti oleh Tarone (1977). Walau bagaimanapun Cohen dan Dumas (1983) membuat kajian berdasarkan Strategi Komunikasi daripada sudut pandang pengkaji dan bukan daripada sudut pandang pelajar.

Terdapat juga sarjana bahasa yang mengkaji sesuatu jenis SK sahaja. Misalnya Palmberg (1984) yang mengkaji strategi pengubah suaian mesej. Di Malaysia juga kajian terhadap SK berkembang terutamanya pada tahun 1990-an. Kajian oleh Lim (1983) bolehlah dikatakan sebagai kajian tempatan yang terawal mengenai SK.

Kajian Noriah Mohammad (1987) iaitu Strategi Komunikasi Pelajar-pelajar iban Ketika berkomunikasi dalam bahasa Malaysia, bertujuan untuk melihat strategi pencapaian komunikasi daripada aspek sebutan bunyi dan leksikal. Informan kajian ialah pelajar-pelajar sebuah kolej di Miri. Serawak. Pelajar-pelajar ini ialah pelajar-pelajar yang

bertutur bahasa Melayu sebagai kedua dan bahasa iban ialah bahasa pertama atau bahasa ibunda. Hasil daripadanya kajiannya, Noriah mendapati bahawa daripada aspek sebutan bunyi, sampel kajiannya telah menggunakan strategi pemindahan negatif bunyi dan strategi pemindahan positif bunyi. Kedua-kedua strategi ini melibatkan pemindahan semua jenis bunyi dalam bahasa Malayu, iaitu bunyi vokal, konsonan dan diftong.

Dalam tesis sarjana Ang (1992) berjudul strategi komunikasi orang-orang Cina dalam bahasa Malaysia, Ang mendapati tiga strategi baru dalam kajiannya iaitu strategi bertanya balik, strategi para linguistik dan strategi penghampiran bunyi. Ang (1992) menyebutnya strategi tanya balik dan penggunaanya ialah bertujuan untuk mengelakkan diri daripadanya terperangkap dalam mencari istilah yang sessuai, maka penutur akan bertanya balik kepada pendengar. Strategi ini boleh digolongkan ke dalam strategi rayuan kerjasama secara langsung.

Sementara itu strategi paralinguistik menurut Ang (1992) ialah satu strategi dimana penutur menyebut sesuatu bunyi seruan seperti “*aiyya*” tetapi mempunyai makna untuk mengantikan ujaran. Ujaran ini juga dapat membantu penutur menyampaikan maksud walaupun ia kadang kala hanya sebagai ujaran sampingan untuk merancakkan perbualan atau mengambarkan perasaan seseorang dalam situasi tertentu.

Aminah (1996) mengkaji sampel yang terdiri daripada pelajar-pelajar daripada UITM, Shah Alam seramai dua puluh empat orang. Mendapati, jenis-jenis strategi komunikasi yang mereka gunakan ialah strategi pengulangan, strategi penukaran kod, strategi rayuan kerjasama dan strategi bukan verbal. Hasil daripada kajian ini didapati pelajar

yang kurang mahir cenderung menggunakan jeda, pengulangan dan pengelakan, manakala yang agak mahir lebih banyak menggunakan strategi penghampiran.

Seterusnya, Ghazali (1997) pula telah mengkaji kesan dialek Kelantan dalam komunikasi bahasa Melayu. Dalam kajiannya Ghazali telah menemui dua strategi baru pada pandangannya iaitu “*strategi mengambil masa*” dan “*Strategi agakan*”. Menurut Ghazali (1997) “*strategi mengambil masa*” ialah satu strategi dimana pelajar berhenti di tengah-tengah ujarannya untuk berfikir atau mengingatkan semula maklumat yang diperlukan bagi meneruskan komunikasinya. Apa yang dimaksud oleh Ghazali ialah jeda yang berlaku di pertengahan sesuatu ujaran.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Ismail (1999) mengenai penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah mendapati pelajar masih lemah dalam aspek pertuturan. Seramai 50 sampel pelajar tingkatan tiga telah terlibat dalam kajian tersebut. Kekurangan perbendaharaan kata, kelemahan tatabahasa, keadaan persekitaran yang tidak menggalakkan, kaedah pengajaran yang kurang kerkesan ialah di antara faktor yang menyulitkan pelajar menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat ramai pelajar berminat mempelajari bahasa Arab di peringkat awal iaitu semasa tingkatan satu dan dua, tetapi minat mereka berkurang setelah mereka menduduki tingkatan tiga.

Ibtisam (1999) telah mengkaji sikap pelajar-pelajar Malaysia terhadap bahasa Arab. Sikap ditinjau daripada empat dimensi di antaranya sikap keseluruhan pelajar terhadap bahasa Arab, hubungan sikap dengan gaya pengajaran bahasa Arab dan kebolehan pelajar dalam lemahiran berbahasa Arab. Responden kajian ini seramai 329 pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya

pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Arab dan terdapat korelasi yang positif di antara sikap dengan gaya pengajaran yang disukai serta terdapat korelasi yang positif di antara sikap dan kebolehan mereka bertutur dalam bahasa Arab.

Salim Abu-Rabia (1995) mengkaji tentang hubungan di antara sikap dan latar belakang budaya dengan pemahaman isi kandungan teks bahasa Arab dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Didapati perbezaan jenis motivasi mengikuti jantina. Seramai 25 perempuan dan 27 lelaki berbangsa Arab di Kanada sebagai responden kajianya. Dapatkan kajian menunjukkan perbezaan sikap yang memotivasi mereka belajar bahasa Inggeris mengikut jantina. Pelajar lelaki menunjukkan sikap instrumental dan pelajar perempuan lebih kepada sikap integrafi terhadap pembelajaran bahasa Inggeris.

Kajian yang dilakukan oleh Hassan (2000) ke atas 311 prang pelajar Melayu yang mengikuti program bahasa al-Qur'an (LQM) untuk kursus bahasa Arab sebagai bahasa asing di Pusat Matrikulasi UIAM menunjukkan pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi daripada pencapaian pelajar lelaki. Ini ialah disebabkan minat mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab, mempunyai motivasi dalaman dan luaran yang tinggi serta tahap kebimbangan bahasa yang rendah.

Hasil daripada kajian ini, Hassan (2000) telah menyarankan kepada guru-guru bahasa Arab supaya sentiasa memberi motivasi luaran (*instrumental motivation*) kepada pelajar supaya mempelajari bahasa Arab. Penguasaan bahasa Arab yang mendalam memberi faedah kepada pelajar untuk mendapat pekerjaan dalam bidang pendidikan Agama sama ada di institusi pengajian tinggi tempatan atau luar Negara. Selain daripada itu bahasa Arab juga merupakan bahasa al-Qur'an. Penguasaan dalam bahasa Arab juga dapat

membantu para pelajar mendalami khazanah ilmu yang terdapat di dalam kitab suci al-Qur'an.

Kajian Sri Juraiti Ownie (1997) telah mengaplikasikan taksonomi strategi komunikasi Bailystok ke atas 14 orang pelajar IKIP Medan, Indonesia. Tujuan utama kajian ialah untuk meninjau perkaitan di antara pemilihan bentuk strategi komunikasi oleh pelajar dengan tahap kompetensi bahasa mereka. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan di antara strategi yang digunakan oleh pelajar yang berbeza tahap kompetensinya.

Dalam kajian Eduard Tampubolon (2008) peningkatan produksi bahasa Inggeris lisan melalui pengelolaan pembelajaran menggunakan pendekatan CTL terhadap pelajar kelas XI-A SMA Negeri 5 Jayapura di Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa perolehan level kemampuan produksi bahasa Inggeris lisan pelajar terbukti semakin meningkat daripada siklus I hingga siklus III, dengan peningkatan dalam aspek tata bahasa dan kosakata.

Nafisah Endahati (2010) telah mengkaji tentang tindakan kelas oleh pelajar bahasa Inggeris kelas 1B kursus pendidikan guru sekolah dasar Universiti Negeri Yogyakarta, Indonesia. Tujuan utama kajian ialah untuk meningkatkan hasil kemampuan komunikasi dalam *classroom English* pelajar PGSD. Hasil kajian menunjukkan bahawa keterampilan komunikasi *classroom English* pelajar masih kurang disebabkan oleh beberapa faktor yang di antaranya adalah kurangnya pengetahuan terhadap aspek-aspek asas dalam bahasa Inggeris seperti kosakata, struktur bahasa, pengucapan, dan intonasi.

Dyah Kusumastuti (2011) telah peneliti tentang tutur bahasa Inggeris dalam komunikasi yang digunakan oleh pramuwisata kepada wisatawan mancanegara di Candi Prambanan

keatas 10 orang yang memiliki latar belakang pendidikan yang berbeza, beberapa diantaranya berasal daripada pengajian teknik dan belajar bahasa Inggeris secara otodidak. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemahaman wisatawan mancanegara terhadap komunikasi pramuwisata sebagian besar tercapai dengan baik, ertinya diakui oleh wisatawan walaupun terdapat ketidaktepatan dalam struktur gramatikal dan pelafalan dari tuturan pramuwisata tetapi wisatawan tetap dapat memahami penjelasan pramuwisata dan wisatawan tetap bersifat komunikatif.

Dengan yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap penggunaan strategi komunikasi pelajar LIPIA. Kemudian diikuti faktor motivasi pelajar dan dorongan guru sama ada dapat mendorong pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab. Begitu pula untuk mengenalpasti strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika menghadapi masalah dalam berkomunikasi bahasa Arab. Kerana setakat ini tiada pengkaji yang mengkaji tentang strategi komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Indonesia khususnya di LIPIA. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu mengenalpasti strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar bahasa asing khususnya yang berbangsa Indonesia. Mudah-mudahan kajian ini dapat menolong pengajar atau pensyarah bahasa asing mengenal kelemahan para pelajar yang mengikuti kelas mereka.

2.11 KESIMPULAN

Bab ini telah mengutarakan tentang definisi strategi dan komunikasi, pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua, strategi komunikasi dan strategi pembelajaran, strategi komunikasi dan strategi penghasilan, fungsi dan tujuan komunikasi, faktor komunikasi dan pembelajaran, taksonomi strategi komunikasi dan menghuraikan model taksonomi Tarone (1977) iaitu (a) Strategi pengelakan (b) strategi parafrasa (c) strategi pemindahan secara sedar (d) strategi rayuan kerjasama (e) strategi bukan linguistik. Kemudian diikuti dengan huraian kajian yang berkaitan.